

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1994/95

Oktober/November 1994

HMP 203 Sosiologi Bahasa (Penerapan Kepada  
Bahasa Melayu)

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DI DALAM TIGA [3] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan. SOALAN NO. 1 [a], [b] dan [c] MESTI dijawab dan pilih mana-mana TIGA [3] soalan yang lain.

Tulis nombor soalan 1 hingga 6 secara berturutan di muka hadapan buku jawapan anda, sama ada soalan itu dijawab atau tidak. Beri tanda pangkah di hadapan nombor soalan yang tidak dijawab.

Jawapan mesti ringkas tetapi padat dan tepat. Tulisan hendaklah mudah dibaca dan penggunaan bahasa Melayu tinggi diutamakan.

1. Asmah Haji Omar (1989: 11) mentakrifkan Dasar Bahasa sebagai "undang-undang yang ditetapkan oleh pemerintah sesebuah negara tertentu yang menetapkan garis yang semestinya diikuti oleh rakyatnya berhubung dengan sikap dan penggunaan bahasa dalam konteks kebangsaan mereka". Berdasarkan pernyataan ini:

[a] Nyatakan "garis" yang telah ditetapkan dan yang diikuti dalam Dasar Bahasa di Malaysia.

[6 markah]

[b] Huraikan profil sosiolinguistik yang wujud akibat penetapan "garis" dalam Dasar Bahasa ini.

[20 markah]

[c] Bincangkan rasional mewujudkan "garis" tertentu dalam Dasar Bahasa yang dimaksudkan.

[14 markah]

.../2

2. Pemeran, konteks dan fungsi merupakan tiga faktor sosial utama yang mempengaruhi penghasilan dan penggunaan pertuturan dalam komunikasi lisan. Cuba jelaskan ketigatiga komponen yang dimaksudkan dengan merujuk kepada penghasilan dialek sosial dalam kalangan penutur bahasa Melayu.

[ 20 markah]

3. Walaupun Ferguson (1959) dan Fishman (1967) telah menggariskan ciri-ciri tertentu dalam hubungan diglosia, penentuan sama ada sesuatu kelainan itu bertaraf tinggi (High Language atau H) atau rendah (Low Language atau L) bergantung kepada struktur sesebuah masyarakat. Diglosia ekabahasa bagi bahasa Melayu memperlihatkan dengan jelas hal ini. Cuba bincangkan hubungan antara struktur masyarakat Melayu di Malaysia dengan corak pemeringkatan bahasa yang wujud.

[ 20 markah]

4. Huraikan perkara berikut secara ringkas:

[a] Garis isoglos yang menyempadani dua kawasan geografi linguistik dialek Melayu di Malaysia. [ 5 markah]

[b] Penentuan norma untuk kod-kod bahasa dalam proses pembakuan bahasa Melayu. [ 5 markah]

[c] Repertoire bahasa komuniti yang berbahasa Melayu di Malaysia. [ 5 markah]

[d] Pengkelasan bahasa minor di Malaysia (berdasarkan formula profil sosiolinguistik oleh C.A. Ferguson (1971) dengan ciri-ciri tambahan oleh Asmah Haji Omar (1982)). [ 5 markah]

5. Bahasa kebangsaan yang dianggap berjaya sepatutnya dapat menjalankan pelbagai fungsi seperti fungsi pemersatu (integratif), pemisah, prestij dan kerangka rujukan. Bagaimanakah bahasa Melayu boleh memenuhi fungsi-fungsi ini?

[ 20 markah]

6. Soalan [a] hingga [c] berdasarkan petikan laras teknikal berikut:

Lalat daripada genus Phlebotomus ini terdiri daripada berbagai-bagai spesis agas berambut yang kecil saiznya. Sayapnya mengepak ke atas dan ke arah luar sehingga bahagian tepi kostanya membentuk suatu sudut lebih kurang 60 derjah antara satu sama lain dan dengan badannya. Sayapnya yang berambut serta berbentuk bujur telur ini tidak bersisik. Hanya lalat betina sahaja yang mempunyai bahagian mulut yang bermuncung untuk menghisap darah. Banyak spesis menghisap darah haiwan berdarah sejuk seperti cicak, ular dan amfibia; yang lainnya menghisap darah haiwan berdarah panas termasuklah manusia. Pada waktu siang hari, lalat pasir akan bersembunyi di bawah pondok, teratak, di celah-celah lubang, di celah-celah pokok atau penjuru bangunan yang gelap. Ia aktif pada waktu malam dan dengan demikian, masing-masing menghisap darah pada waktu malam. Pada amnya lalat ini tidak dapat terbang jauh tetapi hanya pada jarak dekat sahaja jika digangu.

(Dipetik daripada Abdullah 1992: 196 dan 197)

- [a] Laras di atas berbeza dengan laras-laras lain dari segi unsur bahasa, bukan unsur makna. Jelaskan.

[3 markah]

- [b] Laras ini boleh dialihlaraskan ke laras-laras yang lain. Apakah yang dimaksudkan dengan alih laras? Apakah beza alih laras dengan alih bahasa?

[3 markah]

- [c] Alih laraskan teks laras teknikal di atas ke laras umum.

[14 markah]

-000000000-



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1994/95

Oktober/November 1994

HMT 201 Tinjauan Nahu Melayu Tradisional

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DI DALAM  
SATU [1] HALAMAN.

Jawab SEMUA soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Senaraikan imbuhan kata kerja dan beri contoh penerbitannya untuk menunjukkan tugasnya.
2. Tunjukkan binaan frasa nama. Beri contoh.
3. Jelaskan struktur ayat majmuk. Beri contoh.
4. Tunjukkan kekurangan golongan kata dalam Tatabahasa Dewan berbanding dengan Tatabahasa Za'ba. Beri contoh.
5. Apakah perbezaan ayat pasif orang ketiga dengan ayat pasif orang pertama dan kedua. Beri contoh.
6. Tunjukkan perbezaan huraian objek tepat dengan objek sipi dalam Tatabahasa Dewan berbanding dengan Pelita Bahasa Melayu I. Beri contoh.

-ooo000ooo-

